

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK  
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN  
[ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu kelekaan penggunaan gadget dalam kalangan kanak-kanak pada era ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu bapa zaman sekarang gemar 'mendidik' anak-anak mereka untuk menggunakan *gadget* sejak kecil sehingga mereka begitu leka bermain. *Gadget* yang dimaksudkan adalah telefon mudah alih, tablet dan iPad. Ini termasuk juga televisyen.

Memang tidak dapat dinafikan penggunaan *gadget* mempunyai banyak faedah terutama dalam urusan pembelajaran, komunikasi dan jual beli. Namun, teknologi juga memberi kesan negatif terutamanya kepada kanak-kanak jika disalahgunakan dan tanpa pengawasan orang tua.

Menurut laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) tahun 2017, oleh Institut Kajian Umum (IKU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 50.1% pelajar sekolah menengah (13-17 tahun) menghabiskan masa lebih tiga jam untuk menonton TV, bermain permainan di komputer dan sebagainya. Tinjauan tersebut juga mendapati sebanyak 85.6% remaja adalah pengguna internet dan 29.0% dalam kalangan mereka telah ketagihan internet. Peralatan untuk mereka melayari internet adalah telefon pintar (94%), komputer (62%) dan peranti tablet (31%).

Manakala satu tinjauan pendapat yang dilakukan oleh LPPKN di Lembah Klang mendapati 78.3% ibu bapa membenarkan anak-anak memiliki *gadget*. Amat membimbangkan dengan sikap masyarakat yang kini dilihat begitu terikat dengan *gadget* dan peranti digital untuk memperoleh maklumat serta berkomunikasi, tanpa mengendahkan dunia fizikal di sekeliling mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak kementerian seperti:

- i) LPPKN telah menganjurkan majlis ilmu kekeluargaan sempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2018 iaitu Forum Keibubapaan di Alam Siber dan bicara Santai Keluarga yang

### SOALAN NO. 3

membincangkan beberapa topik penting seperti keselamatan siber, pengantunan kanak-kanak (*child grooming*) dan pornografi. Program ini telah diadakan pada 3 November 2018 di Pusat Keluarga LPPKN Seremban 2, Negeri Sembilan;

- ii) LPPKN turut menganjurkan Forum '*Digital Parenting and Child Online Protection*' dengan kerjasama UNICEF pada 20 Jun 2019. Topik berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber, jenayah seksual kanak-kanak terus dibincang dalam Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru pada 13 Julai 2019 (melibatkan 775 peserta) serta forum kekeluargaan yang diadakan LPPKN dengan kerjasama NGO pada 25 November bersempena Bulan Keluarga Kebangsaan tahun 2019; dan
- iii) Kementerian melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menganjurkan Seminar Keselamatan Kanak-Kanak "*Always Beware and Be Aware (ABBA)*" semenjak tahun 2015. Seminar ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Dasar Kanak-kanak Negara (DKKN) dan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara iaitu setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk membesar dalam persekitaran yang selamat. Seminar ini telah diadakan di Felda Residence, Sungai Klah, Perak, Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka dan Langkawi.